



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	29/12/2019	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

TEKUN beri kelonggaran kepada mangsa banjir

TANAH MERAH - Tabung Ekonomi Kumputan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) memberi kelonggaran kepada penjamin yang terjejas banjir untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman kepada agensi itu.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohammad Suparadi Md Noor berkata, pinjaman yang terlibat dengan bencana alam itu boleh mengemukakan permohonan kepada pihak agensi sekiranya mahu berbuat demikian.

"Perkara ini tidak menjadi masalah kerana ia terdapat dalam kaedah pembayaran balik hutang oleh penjamin kepada pihak kami jika mereka dimpa sesuatu musibah.
"Mereka harus tampil ke-



Mohammad Suparadi (kiri) beramah mesra dengan para penerima duit hantaran persekolahan sempena Program Back To School TEKUN di Kolej Vokasional Tanah Merah semalam.

pada pihak kami dan pihak kami akan struktur semula kaedah pembayaran balik hutang mereka," katanya kepada pemberita selepas Program Kembali Ke Sekolah di sini

semalam.

Mohammad Suparadi berkata, kelonggaran itu diberikan berikutan pihaknya tidak mahu menambah bebanan ditanggung penjamin yang

terlibat dengan bencana banjir atau musibah lain.

"Bagaimanapun mereka harus membayar hutang mereka itu. Bayaran balik hutang itu akan kami jadikan modal untuk menyediakan dana kepada penjamin yang lain," katanya.

Sementara itu, Mohammad Suparadi berkata, pihaknya memperuntukkan RM1280,000 bagi membantu golongan tidak kemampuan di negeri ini pada program terbabit.

"Peruntukan itu merupakan zakat perniagaan pihak kami bagi meringankan beban golongan kurang kemampuan di negeri ini bagi menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak mereka," katanya.
- *Bernama*